



**CUKAI PERKHIDMATAN 2018**

# **PANDUAN: PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DAN PENGAGIHAN ELEKTRIK**

**VERSI 4**

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia,  
Bahagian Cukai Dalam Negeri,  
Putrajaya.**

**16 April 2026**

## **Penerbitan**

Tarikh: 16 April 2026.

*Panduan Perkhidmatan Penghantaran Dan Pengagihan Elektrik pada 27 Februari 2024 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Penghantaran Dan Pengagihan Elektrik yang disemak semula pada 16 April 2026.*

## **Notis Hakcipta**

Hak Cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

<b>Pengenalan.....</b>	<b>4</b>
<b>Terminologi.....</b>	<b>4</b>
<b>Industri Elektrik Secara Umum .....</b>	<b>5</b>
<b>Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan .....</b>	<b>8</b>
<b>Layanan Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Elektrik.....</b>	<b>8</b>
<b>Layanan Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Elektrik di Kawasan Yang Ditetapkan (KD) dan Kawasan Khas (KK).....</b>	<b>9</b>
<b>Soalan Lazim .....</b>	<b>10</b>
<b>Pertanyaan .....</b>	<b>15</b>
<b>Bantuan dan Maklumat Lanjut Mengenai SST .....</b>	<b>15</b>

## PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai penggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
  - i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
  - ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik.

## TERMINOLOGI

6. Bagi maksud panduan ini:
  - (i) “**Perkhidmatan Elektrik**” ertinya perkhidmatan yang ditetapkan di ruang (2), Butiran 9, Kumpulan I, Jadual pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

- (ii) **Lesen Awam Pengagihan (LAP) (Public Distribution Licence)** adalah Lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah **Seksyen 9(1)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]**, yang membenarkan pemegang lesen untuk menjalankan aktiviti pengagihan elektrik kepada pengguna akhir secara awam di sesuatu kawasan bekalan yang ditetapkan.
- (iii) **Penjana Tenaga Bebas** atau **Independent Power Producer (IPP)** adalah pemegang lesen di bawah **Seksyen 9 Akta Bekalan Elektrik 1990** untuk aktiviti penjanaan elektrik.
- (iv) **“Kawasan Ditetapkan” (KD)** bermaksud Labuan, Langkawi, Pangkor, Tioman dan Pulau 1 (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
- (v) **“Kawasan Khas” (KK)** ertinya mana-mana zon bebas di bawah seksyen 3, Akta Zon Bebas 1990, gudang berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan gudang pengilangan berlesen di bawah Seksyen 65A (AK1967) kawasan pembangunan bersama (KPB) dan Pengkalan Bekalan Petroleum (Seksyen 77 B, AK 1967).

## **INDUSTRI ELEKTRIK SECARA UMUM**

7. Pembekalan tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990, manakala untuk Sarawak di bawah Ordinan Bekalan Elektrik Sarawak 1982 dan Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 dan Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 bagi Sabah.


8. Syarikat utiliti elektrik yang membekalkan elektrik kepada pengguna di Semenanjung Malaysia adalah Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity  
Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sdn Bhd (SESB) bagi Sabah, dan Sarawak Energy Berhad (SEB) bagi Sarawak.

9. Selain dari TNB, bekalan elektrik turut dijana oleh pengeluar tenaga bebas / *Independent Power Producer (IPP)* sejak sekitar tahun 1990 apabila industri bekalan elektrik dilanda krisis kekurangan kapasiti penjanaan. Pengenalan IPP adalah bertujuan menstabilkan sistem pembekalan elektrik daripada mengalami gangguan bekalan. IPP yang diberi kelulusan lesen oleh Suruhanjaya Tenaga untuk menjana elektrik adalah seperti Kapar Energy Ventures Sdn Bhd dan Pengerang Power Sdn Bhd.

10. Secara umumnya, aktiviti utama dalam industri elektrik adalah penjanaan, penghantaran dan pengagihan (*generation, transmission and distribution*) elektrik. Rantaian bekalan elektrik melibatkan tiga aktiviti tersebut sebelum bekalan elektrik dibekalkan kepada pengguna. Carta aliran rantaian bekalan elektrik kepada pengguna di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan ilustrasi A di bawah:

### Ilustrasi A: Rantaian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia



11. Merujuk kepada ilustrasi A di atas, penjanaan elektrik di stesen jana kuasa  
Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

bagi Semenanjung Malaysia akan dilaksanakan oleh Bahagian Penjanaaan TNB dan IPP. Kebanyakan sumber tenaga yang digunakan di stesen jana kuasa adalah dari sumber bahan api fosil (arang batu, gas asli, dan petroleum), hidro dan sebagainya. Elektrik yang dijana dibekalkan kepada Bahagian Penghantaran /*Transmission Division*, TNB yang bertanggungjawab menerima, mengurus, dan menyalurkan tenaga elektrik untuk memastikan bekalan elektrik mencukupi ke rangkaian Grid Nasional. Di peringkat penghantaran, elektrik dihantar pada jarak yang jauh melalui talian voltan tinggi. Seterusnya, voltan diturunkan kepada voltan rendah untuk pengagihan elektrik kepada pengguna oleh Bahagian Pengagihan/*Distribution Division*, TNB.

12. Pembekalan elektrik adalah di bawah bidang kuasa **Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** bertanggungjawab ke atas dasar peralihan tenaga, air dan elektrik Kerajaan Malaysia. Badan yang mengawal selia industri elektrik di Semenanjung Malaysia adalah Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Tenaga Sabah bagi Negeri Sabah dan Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak bagi negeri Sarawak.

13. Pelesen Lesen Awam Pengagihan (LAP) merupakan entiti yang memegang lesen di bawah **Seksyen 9(1)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Tenaga** untuk menjalankan aktiviti pengagihan elektrik kepada pengguna akhir di kawasan bekalan yang ditetapkan. LAP memperoleh elektrik daripada pembekal utama (seperti TNB) dan bertanggungjawab mengendalikan sistem pengagihan, bacaan meter, serta pengebilan terus kepada pengguna akhir. LAP tidak menjalankan aktiviti penjanaaan elektrik.

## PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

14. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018.

15. Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di ruang dua (2), Butiran 9, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 oleh orang kena cukai penyedia perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik adalah tertakluk pada kadar 8% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

16. Layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

## LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN ELEKTRIK

17. Perkhidmatan penyediaan elektrik oleh mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik kepada mana-mana pengguna domestik selain pengguna domestik dalam kawasan ditetapkan tidak termasuk 600 kWh pertama bagi suatu tempoh minimum dua puluh lapan hari untuk satu kitaran pembilan yang digunakan oleh pengguna itu adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran 9, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

18. Jadual di bawah menerangkan layanan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik dan kitaran bil bulanan.

No.	Penggunaan (kWh)	Kitaran Bil	Tertakluk kepada CP
1.	>600	≥ 28 hari	Ya (601 kWh dan ke atas)
2.	≤600	≥28 hari	Tidak

## **LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN ELEKTRIK DI KAWASAN YANG DITETAPKAN (KD) DAN KAWASAN KHAS (KK)**

19. Mulai 6 September 2018, perkhidmatan elektrik yang diberikan kepada pengguna domestik di dalam kawasan yang ditetapkan (KD) adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
20. Walau bagaimanapun, perkhidmatan elektrik kepada pengguna domestik di Kawasan Khas (KK) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan merujuk berdasarkan Seksyen 55, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

## **PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR**

21. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
22. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:
  - (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
  - (ii) Mengeluarkan invois kepada pelanggan berkenaan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
  - (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan
  - (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.
23. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

## SOALAN LAZIM

1. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan elektrik kepada pengguna domestik?**

J : Perkhidmatan elektrik kepada pengguna domestik hanya dikenakan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik yang melebihi 600kWh bagi suatu tempoh minimum 28 hari untuk satu kitaran bil.

2. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyediaan elektrik kepada pengguna komersial?**

J : Perkhidmatan penyediaan elektrik kepada pengguna komersial adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

3. **S : Penggunaan elektrik oleh En. Khalid bagi tempoh bil 17 April 2019 sehingga 16 Mei 2019 (30 hari) adalah sebanyak 765kWh. Berapakah jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada En. Khalid?**

Tarif (kWh)	Prorata (kWh)	Kadar (RM)	Amaun (RM)
200	200	0.218	43.60
100	100	0.334	33.40
300	300	0.516	154.80
300	165	0.546	90.09
Jumlah	765		321.89

**J : Nilai yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan**  
 $(321.89-90.09) = \text{RM}231.80$

**Nilai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan**

= RM90.09

**Jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan**  
 $(\text{RM}90.09 \times 6\%) = \text{RM}5.41$

4. **S : Bil elektrik yang diterima oleh Ariff terdiri daripada pengenaan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB). Adakah kenaan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

**J :** Pengenaan KWTBB adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia bukan berkaitan kepada penyediaan perkhidmatan elektrik.

5. **S : Syarikat Pae Sdn Bhd memasang panel solar di atas bangunan syarikat. Tenaga elektrik yang dijana daripada panel solar ini akan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Adakah penjualan tenaga elektrik ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

**J :** Penjualan tenaga elektrik tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana tenaga elektrik itu tidak diagihkan kepada pengguna domestik.

6. **S : Syarikat ABC Sdn Bhd membuat program solar berskala besar di Malaysia. Loji syarikat akan menjana tenaga elektrik daripada sumber solar dan seterusnya menjual tenaga elektrik itu kepada pelanggan domestik komersial di Selangor. Adakah cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas tenaga elektrik yang dijana dan dijual kepada pelanggan komersial?**

- J : Tenaga elektrik yang dijual oleh syarikat ABC Sdn Bhd kepada pelanggan komersial adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
7. **S** : **JMB Kondo Perdana mempunyai lesen untuk mengagihkan elektrik kepada pengguna domestik dan dikenakan perkhidmatan elektrik secara pukal oleh pemberi perkhidmatan elektrik. JMB Kondo Perdana akan mengeluarkan bil secara berasingan kepada setiap pemilik strata**

**Adakah bil yang dikeluarkan oleh JMB Kondo Perdana kepada setiap pemilik strata dikenakan cukai perkhidmatan?**

- J : JMB Kondo Perdana tidak memenuhi maksud orang kena cukai bagi butiran 9, Kumpulan I , Jadual Pertama iaitu mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik. Maka perkhidmatan penyediaan elektrik kepada pengguna domestik oleh bukan orang kena cukai adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
8. **S** : **Syarikat Bulan Sdn Bhd membeli elektrik daripada TNB dan kemudiannya menggunakan elektrik itu untuk menyediakan perkhidmatan mengecas kereta elektrik kepada pelanggan di Pusat beli belah.**

**Adakah perkhidmatan mengecas kereta elektrik kepada pelanggan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

- J : Syarikat Bulan Sdn Bhd hanya mengagihkan elektrik dan tidak memenuhi maksud orang kena cukai bagi butiran 9, Kumpulan I , Jadual Pertama iaitu mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik. Maka perkhidmatan mengecas kereta elektrik kepada pelanggan oleh bukan orang kena cukai adalah tidak tertakluk

kepada cukai perkhidmatan.

9. **S** : Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan perkhidmatan penyediaan elektrik kepada pengguna domestik di Pulau Pangkor. Adakah cukai perkhidmatan akan dikenakan di kawasan Pulau Pangkor?

J : Pulau Pangkor merupakan kawasan ditetapkan di bawah perundangan cukai perkhidmatan. Justeru, penyediaan perkhidmatan elektrik oleh TNB kepada pengguna domestik dalam kawasan ditetapkan adalah bukan perkhidmatan bercukai.

10. **S** : Berapakah kadar cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan bagi perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik bermula 1 Mac 2024 ?

J : Kadar cukai sebanyak 8% akan dikenakan bagi penggunaan 601 kWh dan ke atas bermula tarikh kuat kuasa 1 Mac 2024.

11. **S** : Adakah syarikat penjana tenaga (IPP) perlu berdaftar dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas elektrik yang dihasilkan dan dijual kepada TNB?

J : Tidak. IPP hanya menjalankan aktiviti penjanaan dan membekalkan tenaga tersebut kepada TNB melalui Sistem Grid Nasional. Perkhidmatan penjanaan elektrik bukan perkhidmatan bercukai dan tidak memenuhi skop perkhidmatan bercukai di bawah Butiran 9, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

12. **S** : Adakah mana-mana entiti yang memegang **Lesen Awam Pengagihan (LAP)** tertakluk kepada cukai perkhidmatan

**J** : Tidak. Mana-mana entiti yang memegang **Lesen Awam Pengagihan (LAP)** di bawah Seksyen 9(1)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana LAP membeli elektrik daripada pembekal utama (seperti TNB) dan mengagihkannya terus kepada pengguna komersial tanpa melibatkan perkhidmatan penghantaran elektrik.

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila hubungi:-

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 6, Tower A, Suasana PjH,

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2

62100 Putrajaya

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST**

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- i. Laman web SST : [www.mysst.customs.gov.my](http://www.mysst.customs.gov.my)
- ii. Pusat Panggilan Kastam:
  - Hotline : 1-300-888-500
  - Telefon : 03-88822100/ 2300/ 2500
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)

## RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 3 – 26 Februari 2024

Para	Keterangan
Para 6 sehingga 21	<i>Penambahbaikan</i> para 6 sehingga 21
Soalan 10-12	<i>Penambahan</i> soalan lazim yang baru

---